

03 NOVEMBER 2017

Sindiket tumpas, dadah RM32.4 juta dirampas

UTUSAN MALAYSIA • JUMAAT 3 NOVEMBER 2017

Sindiket tumpas, dadah RM32.4 juta dirampas

JOHOR BAHRU 2 Nov. - Polis berjaya menumpaskan satu sindiket memproses dan mengedar dadah bernilai RM32.4 juta di negeri ini yang bukan sahaja memenuhi permintaan pasaran tempatan tetapi juga Singapura dan Indonesia.

Kejayaan tersebut adalah menerusi enam serbuan berasingan termasuk di sebuah makmal dadah yang dijalankan di beberapa lokasi sekitar bandar raya ini pada awal pagi Selasa lalu.

Operasi yang dijalankan di Permas Jaya, Ulu Tiram dan Kampung Kong Kong Laut, Masai itu melibatkan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, polis negeri dan Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING).

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh tidak menolak kemungkinan Johor merupakan antara negeri yang menjadi sarang memproses dadah akibat permintaan tinggi khususnya membabitkan negara jiran.

Menurutnya, polis turut me-

nahan lapan individu melibatkan enam lelaki tempatan, seorang lelaki warga Singapura dan seorang wanita Vietnam berusia antara 27 hingga 58 tahun.

"Menerusi serbuan itu, polis merampas sebanyak 51,750 pil ekstasi, 227.6 kilogram (kg) serbuk ekstasi dan 10.51 gram syabu bernilai RM32.4 juta," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, di sini hari ini.

Beliau berkata, polis turut merampas 713 kg bahan kimia dan peralatan memproses dadah bernilai RM46 juta sekiranya diproses dan boleh menampung kegunaan seramai 810,000 penagih.

Dalam serbuan itu, katanya, polis turut merampas pelbagai jenis wang tunai berjumlah RM350,000 dan tujuh kendaraan bernilai RM240,000.

Kesemua suspek direman tujuh hari dan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.



MOHAMAD SALLEH